

Kenyataan Dr. M sedarkan bangsa Eropah diperalat Yahudi

UM 20 OCT 2003

JOHOR BAHRU 19 Okt.
- Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai orang Yahudi telah menyebabkan bangsa Eropah berasa malu kerana mereka mula menyedari selama ini dipergunakan oleh Yahudi sehingga terpaksa disedarkan oleh seorang pemimpin Islam.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, selama ini mereka tidak menyedari mengenai perkara berkenaan tetapi apabila Perdana Menteri bercakap mengenainya, maka ia telah menimbulkan rasa marah dalam diri mereka.

"Selain itu, media yang dikuasai oleh Yahudi juga dengan serta-merta telah memberikan reaksi marah terhadap ucapan Dr. Mahathir sedangkan perkara itu telah menimbulkan kesedaran baru di kalangan negara Eropah.

"Ia telah menyedarkan bangsa Eropah betapa hinanya mereka dipergunakan oleh bangsa Yahudi sekian lama," katanya ketika merasmikan Pertandingan Akhir K3P Kebangsaan di sini hari ini.

Beliau merujuk kepada ucapan Dr. Mahathir pada Sidang Kemuncak Ke-10 Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Putrajaya Khamis lepas.

Dr. Mahathir antara lain berkata, bangsa Yahudi menguasai dunia melalui proksi dan mereka memperalatkan orang lain untuk mati demi kepentingan mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Zainuddin berkata, faktor kedua yang menimbulkan kemarahan media Barat yang dikuasai oleh pemilik Yahudi ialah apabila Dr. Mahathir mendedahkan kekuatan sebenar bangsa Yahudi untuk dicontohi oleh umat Islam.

"Ini yang Yahudi marah," katanya, sambil menambah bahawa akibat kemarahan itulah media Barat telah memutarbelitkan kenyataan Perdana Menteri dengan mendalirkan pemimpin Barat yang menghentam Dr. Mahathir hanya berdasarkan sekerat dua ayat yang sengaja disalahertikan.

dia Barat hendak mengexploit ucapan beliau," katanya.

Disalahertikan

Beliau memberi contoh sebuah media elektronik Barat yang telah bertindak menjemput beberapa orang yang bukan pun diiktiraf sebagai intelektual untuk memperkatakan mengenai ucapan Dr. Mahathir yang disalahertikan itu dan tidak keseluruhan intipati ucapan itu.

Zainuddin berkata, berikutan gelombang kejutan yang dibuat oleh Dr. Mahathir itu, generasi muda Eropah dan Amerika Syarikat juga telah berpendapat bahawa mereka perlu bangkit bertindak supaya tidak terus menerus diperalatkan oleh Yahudi.

Katanya, Menteri Luar Australia Alexander Downer juga dilaporkan berpendapat bahawa ucapan Dr. Mahathir tidak anti-Yahudi dan telah dipetik di luar konteks serta disalahtafsirkan oleh media Barat.